



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 APRIL 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **135 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **3,102 kes** (58.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 18 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **54 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,305 kes**. Oleh

itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah 2,115 kes.** Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **49 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).** Daripada jumlah tersebut, **26 kes memerlukan bantuan pernafasan.**

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **dua (2) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **88 kes** (1.66 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-87 (kes ke-2657) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 60 tahun. Beliau mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan kencing manis. Beliau telah dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 30 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 12 April 2020 jam 3.20 petang.
- Kes kematian ke-88 (kes ke-5252) merupakan lelaki warganegara Myanmar berumur 36 tahun. Beliau telah dirawat di Hospital Selayang pada 17 April 2020 dan datang pada peringkat yang lewat dengan jangkitan paru-

paru *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI). Beliau disahkan meninggal dunia pada hari yang sama pada jam 10.00 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

KLUSTER PETUGAS KESIHATAN DI SABAH

Kluster petugas kesihatan di Sabah merupakan satu kluster yang melibatkan tiga (3) buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia di Sabah iaitu Hospital Queen Elizabeth 2, Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Likas dan Hospital Keningau. Sehingga 18 April 2020, terdapat 31 kes yang telah dikenalpasti positif COVID-19 dalam kluster ini, termasuk dua (2) kes baru dilaporkan hari ini. Kesemua kes masih dalam rawatan setakat ini. Kluster ini terdiri daripada 23 petugas kesihatan dan lapan (8) ahli keluarga / orang awam.

Kluster ini mula dikesan apabila keputusan ujian COVID-19 adalah positif pada 2 April 2020 bagi salah seorang kakitangan hospital yang melapor diri di Hospital Queen Elizabeth 2. Beliau didapati tidak sihat dan mempunyai gejala batuk dan selesema pada hari tersebut. Siasatan dan saringan bagi kontak kakitangan tersebut telah dijalankan. Jangkitan COVID-19 telah

didapati positif bagi beberapa rakan setugas serta ahli keluarga.

Kesemua 31 kes masih berada di dalam wad dan adalah berada dalam keadaan stabil. Tiada kes yang mendapat jangkitan ini semasa mengendalikan pesakit COVID-19.

ULASAN PENURUNAN KES COVID-19

KKM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan dalam menghadapi kejadian COVID-19 di Malaysia. Tiga (3) bulan telah berlalu sejak kes pertama COVID-19 dilaporkan ke CPRC Kebangsaan, KKM. Semua petugas barisan hadapan dari semua agensi telah bertungkus-lumus setiap hari dalam mengawal kejadian ini. Pihak KKM menghargai dengan kerjasama yang telah diberikan dan ingin memohon agar petugas barisan hadapan kekal cekal dan bertabah kerana bersama kami dapat memerangi penularan COVID-19 ini.

Namun begitu, KKM juga kawatir sekiranya penurunan jumlah kes beberapa hari ini disalaherti serta membuatkan masyarakat alpa lalu mengambil mudah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana memikirkan bahawa wabak ini hampir selesai.

NASIHAT KESIHATAN

Susulan itu, ingin menasihatkan Rakyat Malaysia agar terus patuh kepada Perintah Pergerakan Kawalan (PKP). Walaupun perkembangan dalam penurunan kes ini sememangnya positif namun masyarakat masih perlu berada di rumah, mengamalkan jarak sosial yang selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain dan juga mengamalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun. Pendekatan ini penting dalam memutuskan rantai penularan jangkitan.

Pihak KKM akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

18 April 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 18 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	94
PULAU PINANG	0	119
PERAK	0	252
SELANGOR	2	1,340
NEGERI SEMBILAN	3	405
MELAKA	0	148
JOHOR	16	639
PAHANG	2	264
TERENGGANU	1	109
KELANTAN	0	155
SABAH	10	303
SARAWAK	6	403
W.P. KUALA LUMPUR	14	985
W.P. PUTRAJAYA	0	55
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	54	5,305